

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI
[PUTATAN]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah pendirian berkenaan dengan permohonan Persatuan Pemandu Limosine Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu untuk diberi kebenaran menggunakan aplikasi E-hailing, memandangkan pendapatan mereka terjejas akibat aktiviti Grab di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah tiada halangan dan menyokong permintaan Persatuan Teksi Lapangan Terbang Limosin Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK) untuk menggunakan platform e-hailing sebagai alternatif dalam operasi mereka. Untuk makluman, perkara ini telah dimaklumkan kepada pihak persatuan melalui beberapa siri pertemuan di antara LPKP Sabah dan pihak persatuan sejak tahun 2018 lagi. LPKP Sabah juga tiada halangan sekiranya pihak persatuan ingin mewujudkan e-hailing sendiri atau menyertai mana-mana platform e-hailing sedia ada.

2. LPKP Sabah berpandangan, sekiranya pihak persatuan menyertai platform e-hailing, ianya bukan sahaja dapat menambah pendapatan malah dapat bersaing dengan operasi kenderaan e-hailing sedia ada. Selain daripada Kelas Lesen Lapangan Terbang, LPKP Sabah juga menyarankan supaya semua kelas lesen teksi di Negeri Sabah untuk menyertai platform e-hailing sebagai operasi alternatif kelas lesen ini memandangkan permintaan kepada perkhidmatan e-hailing amat menggalakkan.

Sekian, terima kasih.